

UMP jalin kerjasama dengan LLM

Sinar Harian (Bentrol) 27 Mac 2018 (Selasa) h/16-18

Rakan strategik dalam pendidikan dan penyelidikan lebuhraya

NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN

KUANTAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalin kerjasama dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai rakan strategik terbaharu.

Kerjasama itu dalam usaha memberikan nilai tambah dalam pendidikan dan penyelidikan khususnya terhadap bidang kejuruteraan lebuhraya, pengendalian trafik dan pengurusan infrastruktur yang dapat memanfaatkan pengguna lebuhraya di negara ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Seri Ts Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, melalui kerjasama itu, pe-



Dr Daing Nasir bertukar dokumen memorandum persefahaman (MoU) bersama Ismail di pejabat LLM, kelmarin.

luang peningkatan teknologi, pembangunan modal insan, perkongsian pengetahuan serta penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan telah tersedia untuk ditorka oleh kedua-dua belah pihak.

Menurutnya, ia sekali gus dapat merangsang produktiviti, inovasi dan pertumbuhan ekonomi terutamanya dalam bidang berkaitan pengurusan lebuhraya.

"UMP komited untuk bersinergi dengan LLM bagi

melaksanakan kerja-kerja perundingan, penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi dalam projek-projek bersama yang telah dan akan dikenal pasti.

"Melalui kerjasama ini juga, UMP dalam jangka masa panjang berupaya menyumbang kepada kemajuan industri lebuhraya di negara ini dengan membangunkan bakat-bakat profesional dan teknokrat yang memenuhi keperluan industri tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani dokumen memorandum persefahaman (MoU) bersama Ketua Pengarah LLM, Datuk Ir Haji Ismail Md Salleh di pejabat LLM, Kuala Lumpur, kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes) LLM, Datuk Seri Aziz Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Dr Mashitah Mohd Yusoff.

Dr Daing Nasir berkata, UMP menyambut baik cadangan untuk mengadakan program latihan bersama dengan LLM bagi mahasiswa universiti itu di peringkat pra siswazah dan pasca siswazah, bukan sahaja di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, tetapi juga melibatkan fakulti lain yang berkaitan.

"Pada masa yang sama, pihak pengurusan turut bersedia membuka ruang seluas-luasnya kepada tenaga

info UMP turut jalinan kerjasama adakan program latihan di peringkat pra siswazah dan pasca siswazah

akademik dari disiplin ilmu yang berkaitan untuk terlibat langsung dalam program-program latihan.

"Ini adalah bagi memperkaya pengalaman teknikal serta meningkatkan lagi kepakaran mereka dalam bidang-bidang tersebut," katanya.

Sementara itu, Ismail berkata, LLM sebagai pendigital lebuhraya berhasrat menggunakan kepakaran teknologi dan kejuruteraan berkaitan isu penyelidikan dan menggunakan kreativiti terutamanya berkaitan teknologi untuk kemudahan pengguna lebuhraya.

Katanya, beliau yakin hasil gabungan kerjasama bersama UMP yang mempunyai kepakaran itu pastinya lebih banyak inovasi dapat dihasilkan, terutamanya dalam mengurangkan kos projek dan mengoptimalkan kemudahan buat pengguna lebuhraya.